



TEKS UCAPAN

**Y.B. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BULAN MEI 2016

**DEWAN NUR KPWKM
SELASA, 24 MEI 2016**

SALUTASI

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di dewan ini. Saya ingin mengambil kesempatan di awal ucapan saya dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian ini untuk kita sama-sama mendoakan kesejahteraan Allahyarhamah Dato' Hajah Noriah Kasnon yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat suatu ketika dahulu dan menghargai jasa-jasa beliau khususnya dalam membantu Kementerian ini. Semoga Allah SWT mengampuninya, menerima semua kebajikan Allahyarhamah dan menempatkannya di kalangan orang-orang yang diberi rahmah olehNya. Al-fatihah.

50 TAHUN LPPKN

2. Terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kerana pada kali ini menjadi penganjur bagi Perhimpunan Bulanan KPWKM bagi bulan Mei 2016. Tahniah juga saya ucapkan kepada LPPKN kerana menyambut 50 tahun LPPKN tahun ini, lebih tepat lagi 10 Jun nanti dengan tema "Membina Keluarga Sejahtera". Saya berharap sambutan ulang tahun jubli emas sepanjang tahun ini nanti menjadi aspirasi untuk LPPKN terus bertindak sebagai agensi kecemerlangan untuk penduduk dan keluarga Malaysia bagi pihak Kementerian.

SELAMAT HARI IBU DAN HARI BAPA 2016

3. LPPKN membawakan konsep Hari Ibu dan Hari Bapa dalam perhimpunan bulanan pada kali ini bagi meraikan kaum ibu dan bapa di Kementerian dengan tema "*Saya Sayang Ibu dan Bapa Saya*". Untuk makluman semua, Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2016 bertemakan "*Saya Sayang Ibu Saya*" telah pun kita raikan pada 15 Mei yang lalu di Kuching, Sarawak. Di peringkat negeri pula, memandangkan bulan Ramadhan bakal menjelang kira-kira 2 minggu lagi, Hari Ibu dan Hari Bapa akan diraikan dalam satu program yang sama sepanjang Mei dan awal Jun ini.

4. Oleh demikian, pada kesempatan ini saya mengucapkan selamat Hari Ibu dan Hari Bapa kepada semua warga dan ahli keluarga Kementerian. Kita berharap agar ibu-ibu kita 'sejuk perutnya' melahirkan insan seperti warga Kementerian ini dan pengorbanan bapa-bapa yang membesarkan kita mendapat kebajikan dari Allah SWT. Ini kerana warga Kementerian ini begitu bernasib baik kerana mempunyai peluang berbakti dan menjadi pembela kepada 14.8 juta wanita, 9.9 juta kanak-kanak, 2.65 juta warga emas, 363, 358 OKU dan 222, 490 orang miskin dan miskin tegar. Justeru, kita perlu mengambil peluang ini untuk banyak berbakti dengan ikhlas bersesuaian dengan nilai kasih ibu bapa dan mantra sistem penyampaian kita '*your problems are our business*'.

5. 15 Mei yang lalu juga adalah tarikh Hari Keluarga Antarabangsa yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*). Pada tahun ini, tema hari keluarga antarabangsa adalah, "*Families, Healthy Lives and Sustainable Future*". Tema ini

mengajak masyarakat dunia untuk melihat kepada agenda pembangunan lestari 2030 yang memfokuskan kepada pembasmian kemiskinan, perkongsian kekayaan ekonomi, pembangunan sosial dan kesejahteraan penduduk sementara persekitaran alam dipertahankan.

Hadirin yang dihormati,

PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA SEBAGAI KEUTAMAAN

RMK-11

6. Selari dengan agenda pembangunan lestari, Kementerian ini telah memastikan Kerajaan menjadikan “pengukuhan institusi keluarga sebagai teras masyarakat” dan diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas selari dengan slogan Kementerian, Keluarga Bahagia Negara Sejahtera. Strategi ini akan dilaksanakan melalui inisiatif peningkatan kemahiran keibubapaan dan nilai kekeluargaan, menambah baik perkhidmatan kaunseling dan sistem sokongan keluarga. Di bawah strategi ini, KPWKM dan agensinya mesti secara bersepadu meningkatkan program latihan dan pemerksaan, perkhidmatan, penyelidikan, penyelarasan dan pemantauan supaya Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berupaya mencapai skor 8 daripada skala maksimum 10 menjelang tahun 2020.

KEMPEN “NO MOBILE DURING DINNER”

7. LPPKN juga telah berkerjasama dengan FOCUS ON THE FAMILY MALAYSIA bagi melancarkan kempen “*No Mobile During Dinner*” bermula Mei bersempena sambutan Hari Keluarga Antarabangsa

sebagai sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia. Kempen ini menggalakkan ahli keluarga mempunyai komunikasi yang bermakna bersama keluarga secara interaksi bersemuka. Waktu makan malam adalah waktu yang paling sesuai untuk mengeratkan komunikasi dan ikatan dalam keluarga. Berdasarkan Kajian Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia ke-5, 2014, lebih 76 peratus remaja lebih gemar berkomunikasi dengan ibu bapa melalui telefon, SMS dan aplikasi media sosial walaupun tinggal serumah.

8. Selain itu, kajian "*Technoference The interference of technology in couple relationships and implications for women's personal and relational well-being*" mendapati dengan membiarkan peralatan teknologi mengganggu perbualan, aktiviti dan masa berkualiti dengan pasangan walau pun tanpa sengaja atau sebentar, menyebabkan konflik dan hasil negatif dalam perhubungan. Oleh yang demikian saya cabar warga KPWKM '*no mobile during lunch*' sebentar lagi.

KEJAYAAN KPWKM

9. Saya ingin berkongsi beberapa pencapaian berikut dengan semua warga Kementerian:

RUU AKTA KANAK-KANAK (PINDAAN) 2016

10. Rang Undang-Undang (RUU) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 telah diluluskan di Parlimen pada 5 Mei 2016. Justeru, saya mahukan semua agensi di bawah Kementerian peka dan mahir dalam RUU ini bagi menguatkuasakan perlaksanaannya membela

kumpulan sasar kanak-kanak. Persediaan yang rapi hendaklah dilakukan oleh agensi yang terlibat bagi memastikan isu yang timbul dapat ditangani dengan berkesan mengambil kira kompleksiti isu, integrasi di antara agensi Kerajaan yang terlibat dan sensitiviti masyarakat. Masih banyak lagi usaha yang perlu kita lakukan bagi memastikan pelaksanaannya lancar seperti yang dirancang. Tahniah kepada pasukan RUUKK dan ini merupakan kejayaan Kemeterian secara keseluruhannya.

ANUGERAH SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM CEMERLANG 2015

11. KPWKM telah berjaya menerima Anugerah Sistem Pengurusan Aduan Awam Cemerlang bagi tahun 2015 pada 7 Mei yang lalu.

12. Pengiktirafan ini diberikan kepada Kementerian atau Jabatan yang mempunyai lebih 100 aduan dan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Lebih membanggakan lagi, kali terakhir Kementerian menerima anugerah ini adalah pada tahun 2012. Justeru, tahniah dan syabas diucapkan kepada Unit Komunikasi Korporat Kementerian, barisan Pegawai Perhubungan Awam dan semua agensi terlibat yang telah berjaya menyelesaikan aduan kumpulan sasar bagi tahun 2015 dan kita teruskan untuk tahun yang mendatang.

PENCAPAIAN CEMERLANG PENGURUSAN KEWANGAN KPWKM BAGI TEMPOH 2013 – 2015

13. Tahniah juga atas pencapaian Kementerian mencapai skor cemerlang iaitu 93.11 peratus bagi pengurusan kewangan dan mendapat kedudukan yang lebih baik pada tahun 2015 berbanding

tahun sebelumnya iaitu kedudukan ke 12 dari 25 kementerian. Kita berharap pencapaian ini menjadi aspirasi kepada agensi-agensi untuk pengurusan kewangan tahun ini dan mendapat kedudukan yang lebih baik bagi tahun seterusnya.

PEMBENTANGAN MAMACARE DI OXFORD UNIVERSITY

14. Seterusnya, Ketua Setiausaha, Dato' Sabariah Hassan serta pasukan Kementerian telah membuat pembentangan berkaitan projek *Social Innovation "Mamacare: Confinement Care Program"* di *Challenges of the Government Conference 2016* pada 20 Mei yang lepas di *Oxford University, London, United Kingdom*. Syabas kepada Dato' KSU kerana dapat berkongsi kejayaan kita sehingga ke universiti terkemuka di dunia.

GUINNESS WORLD OF RECORDS ANYAMAN TIKAR

15. Baru-baru ini nama wanita Malaysia terpahat dipersada antarabangsa iaitu seramai 400 wanita-wanita Peng Doh Belaga sebuah NGO di Bakun berjaya mencatat nama dalam Guinness World of Records apabila menghasilkan anyaman tikar rotan terpanjang di dunia sepanjang 1.128 km.
16. Ia cukup membanggakan apabila wanita-wanita dari pedalaman ini berjaya memecahkan rekod anyaman tikar rotan paling panjang di dunia yang dicipta oleh para penganyam dari Sweden sepanjang 797.51 meter pada 2010.
17. Saya sendiri sempat menyaksikan bagaimana usaha ini digembleng oleh wanita-wanita yang rata-rata terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dari keluarga yang kurang berkemampuan mengangkat diri

mereka dengan suatu rekod dunia. Usaha sebegini yang patut kita contohi.

IWFCI MALAYSIA

18. Minggu lalu, saya telah diangkat menjadi penaung kepada *International Women's Federation of Commerce and Industry* (IWFCI) Malaysia. Malaysia merupakan negara yang ke-12 menubuhkan IWFCI selepas Australia, Bangladesh, China, Dubai, India, South Korea, Sri Lanka, Russia, Singapore, USA and Vietnam.
19. Ini merupakan satu peluang kepada usahawan-usahawan wanita Malaysia melangkah ke peringkat global dengan memperkenalkan produk dan servis mereka ke persada antarabangsa. Dengan lebih daripada 16 juta keahlian, ia menjadi suatu platform bagi meluaskan *networking* serta pemudahcara kepada usahawan wanita menembusi pasaran global. Syabas dan tahniah!

FESTIVAL DARI WANITA UNTUK WANITA

20. Saya amat berbangga dengan kejayaan menghimpunkan wanita-wanita Pahang yang diterajui oleh MPWK serta JPW Pahang pada hujung minggu yang lalu. Kehadiran saya yang mewakili YAB Perdana Menteri melihatkan bagaimana kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak luar dalam penganjuran festival yang cukup besar berlangsung selama 3 hari di Temerloh Pahang.
21. Dalam masa 2 bulan, segala perancangan yang dilakukan oleh mereka berjaya dilaksanakan dalam Festival Dari Wanita Untuk Wanita yang juga turut memperkenalkan portal e-dagang

wanitamall.my yang mana ia menjadi platform bagi usahawan-usahawan desa memasarkan produk mereka secara maya.

22. Mengambil iktibar daripada kejayaan-kejayaan yang saya sebutkan tadi memperlihatkan bahawa segala usaha memperkasakan kumpulan sasar Kementerian bukan sahaja hanya datang daripada Kementerian sendiri tetapi turut disumbangkan oleh pihak ketiga seperti NGO. Walau bagaimanapun kita harus menjadikan mereka ini sebagai penanda aras dalam mana kita melakukakn transformasi serta mengorak langkah lebih jauh dengan turut melakukan revolusi.

Hadirin yang dihormati,

PENYERAHAN TUGAS UNIT LEMBAGA KAUNSELOR KPWKM (ULK) KEPADA LEMBAGA KAUNSELOR

23. Kementerian akan menyerahkan tugas ULK KPWKM kepada Lembaga Kaunselor selaras dengan peruntukan Akta Kaunselor 1998 supaya Lembaga Kaunselor dapat berfungsi sebagai perbadanan dalam memajukan perkhidmatan dan profesion kaunseling secara eksklusif.
24. Penyerahan tugas ini dapat memastikan perkhidmatan kaunseling mencapai kecemerlangan serta dipantau dengan teratur. Manakala kementerian dapat memberi tumpuan dalam menentukan dasar makro perkembangan perkhidmatan kaunseling. Dengan ini Unit Urus Setia Lembaga Kaunselor sedia ada akan dikekalkan dan dijenamakan semula dengan skop fungsi baru yang bersesuaian.

Hadirin yang dihormati,

KESEDARAN MENGENAI ANAK-ANAK AUTISME

25. Pada hari ini bersempena konsep sambutan Hari Ibu dan Bapa, kita juga meraikan ibu bapa dengan anak-anak Autisme. Bulan April yang lalu adalah Bulan Kesedaran Autisme.
26. Adalah dianggarkan 1 dalam 68 bayi baru lahir boleh mempunyai tanda-tanda autisme. Ini bermakna dianggarkan 9,000 bayi yang lahir di Malaysia setiap tahun mempunyai tanda autisme. Dengan jumlah kanak-kanak autisme yang meningkat setiap tahun menyebabkan lebih banyak sistem sokongan perlu diwujudkan dalam komuniti. Masyarakat khususnya ibu bapa perlu memahami keadaan kanak-kanak autisme agar intervensi lebih awal dapat diberikan kepada mereka. Harapan saya, kita dapat meningkatkan kesedaran lebih ramai ibu bapa mengenai autisme agar mereka mempunyai ketahanan mental dan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan anak-anak istimewa ini.
27. Dengan kata- kata sedemikian, saya akhiri ucapan saya. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*